



**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGURUS, MENGUJI, MENTAULIAH PROJEKTOR SERTA LAIN-LAIN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN YANG BERKAITAN UNTUK PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

**1. KENYATAAN AM / TAWARAN**

1.1 Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **010302 ATAU 210101** untuk **Sebut Harga Membekal, Menghantar, Memasang, Mengurus, Menguji, Mentaulliah Projektor Serta Lain-Lain Bekalan Dan Perkhidmatan Yang Berkaitan Untuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Sebut Harga berikut :-

| Tajuk   | Kategori   | Kod Bidang                                     | No. Dokumen     | Tarikh Buka Sebut Harga | Tarikh Tutup Sebut Harga                               |
|---|--|--|-----------------|-------------------------|--|
| Sebut Harga Membekal, Menghantar, Memasang, Mengurus, Menguji, Mentaulliah Projektor Serta Lain-Lain Bekalan Dan Perkhidmatan Yang Berkaitan Untuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) | Peralatan Sistem Bunyi, Pembesar Suara Dan Projektor<br><br>ATAU<br><br><i>Hardware (low end technology)</i> | <u>010302</u><br><br>ATAU<br><br><u>210101</u> | PTPTN/2017/SH25 | 09 Oktober 2017 (Isnin) | 17 Oktober 2017 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengah hari |

- Taklimat berkaitan sebut harga akan diadakan pada 10 Oktober 2017 (Selasa), jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 1, Blok D Menara PTPTN, Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur. (WAJIB HADIR)

- 1.2 **Taklimat berkaitan Sebut Harga adalah WAJIB dihadiri** oleh semua penyebut harga yang berminat. Kegagalan menghadiri taklimat seperti yang ditetapkan akan menyebabkan penyebut harga tidak layak dipertimbangkan menyertai sebut harga ini.
- 1.3 Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Bahagian Perolehan, Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II, No.12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.**
- 1.4 Sebut Harga yang lewat dihantar tidak akan diterima / dilayan. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sebut Harga yang dihantar.
- 1.5 Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan/bekalan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
- 1.6 **Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebut Harga.**
- 1.7 Pemilihan syarikat akan dibuat berdasarkan kebolehan dalam **memenuhi skop kerja dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan serta anggaran kos yang ditawarkan** oleh penyebut harga dan hanya penyebut harga yang berjaya akan dihubungi.
- 1.8 Pihak PTPTN berhak menamatkan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat pada bila-bila masa sekiranya :
  - a) Tidak mematuhi skop kerja;
  - b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui;
  - c) Tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan.
- 1.9 Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :

#### **Bahagian Perolehan**

- |      |                                      |                   |
|------|--------------------------------------|-------------------|
| i.   | Encik Zubir bin Che Embi             | Tel: 03.2193.1015 |
| ii.  | Encik Muhammad Jihadullah bin Othman | Tel: 03.2193.1441 |
| iii. | Puan Rocida binti Ahmad              | Tel: 03.2193.1440 |

**Bahagian Perolehan,  
Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II,  
No.12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.**